



UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA

PEKELILING PENGARAH PUSAT KESIHATAN BAHAGIAN HAL EHWAL PELAJAR

Bilangan 05 Tahun 2014

AKTIVITI KAWALAN DEMAM DENGGI SEMPENA CUTI PERAYAAN AIDILFITRI

TUJUAN

1. Pekeliling ini bertujuan untuk memaklumkan kepada semua warga UiTM Shah Alam mengenai aktiviti kawalan demam denggi sempena cuti perayaan Aidilfitri yang akan disambut pada minggu hadapan untuk tempoh lebih kurang seminggu. Tempoh bercuti yang lama ini boleh memberi peluang kepada pembiakan nyamuk Aedes di kawasan UiTM sekiranya terdapat air yang bertakung di persekitaran.

PENGENALAN

2. Demam denggi hanya berjangkit melalui gigitan nyamuk Aedes. Langkah pencegahan yang berkesan adalah dengan menghapuskan tempat-tempat pembiakan nyamuk Aedes pembawa demam denggi. Aktiviti pengasapan atau 'fogging' yang dilakukan hanya berkesan membunuh nyamuk Aedes dewasa. Jentik-jentik atau larva nyamuk Aedes tidak akan mati disebabkan kesan pengasapan.

Justeru itu, adalah penting bagi memastikan tiada bekas-bekas yang menakung air dibiarkan begitu sahaja yang berpotensi untuk menjadi tempat pembiakan nyamuk Aedes dan seterusnya menyebabkan wabak penyakit.

PELAKSANAAN

3. Langkah-langkah proaktif perlu diambil oleh pihak yang berkenaan dalam kawasan premis kediaman, kolej-kolej, fakulti-fakulti dan bangunan pejabat bagi menghindari sebarang pembiakan jentik-jentik. Antara langkah yang patut diikuti adalah :
 - (i) Mengeringkan kolah mandi / takungan air.
 - (ii) Meletakkan 'abate' di dalam pam tandas.

- (iii) Menelangkupkan sebarang bekas yang boleh menakung air.
 - (iv) Melakukan 'search & destroy' di kawasan sekitar kediaman, kolej-kolej, fakulti-fakulti dan bangunan pejabat.
 - (v) Memeriksa dan membersihkan bekas tapisan air di bawah peti sejuk, piring alas pasu bunga atau pasu bunga yang mengandungi air sekurang-kurangnya sekali seminggu.
 - (vi) Memastikan kawasan dalam dan luar rumah / ruang pejabat sentiasa berada dalam keadaan bersih dan bebas dari pembiakan nyamuk Aedes.
4. Aktiviti ini hanya perlu dilakukan sekali seminggu serta mudah untuk dilaksanakan dan hanya memerlukan masa lebih kurang 10 minit sahaja. Diharap seluruh warga Universiti Teknologi MARA dapat bersama-sama mengambil tindakan menghapuskan tempat pembiakan nyamuk di dalam dan luar kawasan persekitaran anda sekali setiap minggu dan secara berterusan.
5. Segala pertanyaan berhubung perkara di atas, sila hubungi Dr. Nik Kamaruddin Nik Nor di talian 03-5544 3826, PPKP Khairul Anam Moktar di talian 03-5544 3831 dan PPKP Mohd Saifullah Mohamad di talian 03-5544 3835.

TARIKH DIKELUARKAN

6. Pekeliling ini dikeluarkan pada 22 Julai 2014.

TARIKH KUAT KUASA

7. Pekeliling ini berkuat kuasa pada 22 Julai 2014.

PEMAKAIAN

8. Pemakaian Pekeliling ini adalah untuk semua warga UITM (staf dan pelajar).

Sekian, terima kasih.



DR. ZAITON NASIR

Pengarah

Bil Fail : 500-HEP (PK:12/1/1)

Tarikh : 22 Julai 2014